

# PROJEK PEMULIHAN TANAH GAMBUT PAHANG (PPRP)



## RINGKASAN LAPORAN PEMANTAUAN PERTAMA

FIRST MONITORING REPORT  
(February 2024-January 2025)



<b>Tajuk Projek</b>	Projek Pemulihan Tanah Gambut Pahang
<b>ID Projek</b>	5474
<b>Jangka hayat projek</b>	1 Februari 2024 – 14 Mei 2083; 59 tahun
<b>Lokasi Projek</b>	Malaysia, Pahang, Pekan dan Rompin
<b>Pencadang Projek</b>	Enggang (Pekan) Sdn Bhd
<b>Badan verifikasi/validasi</b>	Earthood Services Ltd
<b>Tempoh komen awam (Tempoh 1 bulan)</b>	8 Ogos 2025 – 7 September 2025
<b>Tarikh audit</b>	Mulai 8 September 2025

## 1. RINGKASAN MANFAAT PROJEK

### 1.1 Manfaat Projek (SEKSYEN 1.1)

Hasil atau Impak	Pencapaian Semasa Tempoh Pemantauan (juga sepanjang Tempoh Hayat Projek memandangkan ini adalah laporan pemantauan yang pertama)
<p>1) Pengurangan kejadian kebakaran hutan paya gambut melalui sekatan parit, pembangunan sistem pemantauan hampir masa nyata (near real-time) untuk pengesanan awal, dan penubuhan pasukan pemadam kebakaran disepadukan dengan sistem pemadaman kebakaran serantau dengan agensi kerajaan dan NGO. Manfaatnya termasuk pengurangan kekerapan dan skala kejadian jerebu, yang akan memberi kesan positif terhadap kesihatan pernafasan komuniti setempat serta membantu mengurangkan kerugian ekonomi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 74 sekatan parit telah dibina untuk melembapkan semula tanah gambut serta mengurangkan risiko pencetus dan penyebaran kebakaran.</li> <li>• Pasukan Tindak Balas Kecemasan Kebakaran (<i>Fire Emergency Response Team - FERT</i>) telah ditubuhkan, terdiri daripada 20 anggota yang terlatih dan dilengkapi sepenuhnya.</li> <li>• Disepadukan ke dalam sistem pemadaman kebakaran serantau, dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO.</li> <li>• Sistem pemantauan kebakaran yang direka khas menggunakan cerapan imej satelit, dron, dan sensor tanah telah dibangunkan dan dilaksanakan.</li> <li>• Sebanyak 10 operasi pemadaman kebakaran telah dijalankan, sebahagiannya dengan sokongan daripada pasukan Bomba kerajaan.</li> <li>• Kempen kesedaran kebakaran dan sesi libat urus seluruh kampung telah diadakan melibatkan 16 kampung untuk meningkatkan kesedaran komuniti dan tindak balas awal.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 6.1 km lorong pemecah api, telah dibina sebagai sebahagian daripada infrastruktur pencegahan kebakaran.</li> </ul>
<p>2) Pemeliharaan dan pemulihan semula budaya serta tradisi masyarakat Orang Asli Jakun melalui pelaburan yang disasarkan dalam program komuniti berasaskan keperluan. Program-program ini direka bersama komuniti dan bertujuan untuk menghidupkan semula budaya berorientasikan hutan yang semakin terancam oleh arus pemodenan. Dengan memperkasa generasi muda untuk kembali mengenali warisan budaya mereka, usaha ini akan menggalakkan pemeliharaan tanah dan sumber semula jadi yang lebih terjamin.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengambilan kakitangan daripada suku Jakun untuk memudahkan libat urus yang sesuai dengan budaya serta memastikan kepercayaan dan perwakilan.</li> <li>• Program yang diminta oleh komuniti telah direkabentuk bersama untuk menyokong pengetahuan tradisional, gaya hidup berorientasikan hutan, dan amalan budaya.</li> <li>• Pemetaan secara penglibatan aktif dan sesi perundingan melibatkan 16 kampung Orang Asli Jakun bagi mendokumentasikan penggunaan tanah, nilai budaya, dan kebergantungan komuniti setempat kepada hutan.</li> <li>• Kawasan warisan budaya dikenal pasti menggunakan kaedah Nilai Pemuliharaan Tinggi (<i>High Conservation Value</i> - HCV) dan dilindungi melalui pengelasan kawasan dan perancangan projek.</li> <li>• Libat urus dengan belia dan warga emas Jakun bagi mengintegrasikan pengetahuan ekologi tradisional ke dalam pengurusan hutan.</li> <li>• Pembangunan Pusat Pendidikan dalam Komuniti telah dimulakan untuk menggalakkan pemindahan pengetahuan antara generasi, termasuk penceritaan, kemahiran tradisional, dan latihan vokasional yang relevan dengan identiti suku Jakun.</li> <li>• Inisiatif pembinaan keupayaan direka bentuk agar peka terhadap budaya dan responsif terhadap jantina, bagi memastikan penyertaan yang inklusif.</li> </ul>
<p>3) Perlindungan dan pemulihan kawasan yang membentuk hubungan utama dalam Pelan Induk Central Forest Spine (CFSMP) Malaysia, yang bertujuan untuk menghubungkan habitat Harimau Malaya yang sangat terancam sepanjang Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemuliharaan 96,569 hektar hutan paya gambut tropika, habitat bagi sekurang-kurangnya 13 spesies Terancam Kritikal dan Terancam (contohnya Lotong Cenekah, Enggang Berkedut, Kucing Hutan, Tapir, Ramin Melawis, Meranti Paya).</li> <li>• Pemulihan habitat dan pelembapan semula hidrologi melalui 74 sekatan parit telah meningkatkan keadaan ekosistem dan kualiti habitat.</li> </ul>

<sup>1</sup> <https://cfs.forestry.gov.my/>

- Sistem rondaan SMART dilaksanakan dengan pasukan lapangan terlatih bagi mencegah pemburuan haram dan memantau kehadiran hidupan liar.
- Kajian biodiversiti menggunakan perangkap kamera telah dimulakan pada Mei 2024 untuk memantau kehadiran dan pergerakan spesies yang jarang, terancam dan diancam.
- Kajian biodiversiti burung dijalankan (semasa musim tengkujuh dan luar musim) untuk menjejaki kepelbagaian burung sebagai petunjuk kesihatan ekosistem.
- 13 program bersama komuniti dijalankan bagi meningkatkan kesedaran tentang biodiversiti, risiko pemburuan haram, dan perlindungan spesies.
- Tiada pembalakan atau penukaran guna tanah dibenarkan dalam Kawasan Projek Permulaan, memastikan koridor hutan kekal dan hubungan ekologi terpelihara.

## 2. PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) (SEKSYEN 2.1.12)

Projek ini menyokong Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan *SDG Roadmap*, dengan menyumbang kepada 12 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Projek ini mempromosikan pengurangan kemiskinan, kesihatan, pendidikan, kesaksamaan gender, dan akses kepada bekalan air bersih. Projek ini mewujudkan peluang pekerjaan, mengurangkan ketidaksamaan, dan menggalakkan komuniti mampan melalui pemulihan hutan paya gambut serta warisan budaya. Ia turut menggalakkan penggunaan secara bertanggungjawab, daya tahan iklim, dan pemuliharaan biodiversiti.

Pemantauan dilaksanakan di bawah pelan pemantauan iklim, komuniti dan biodiversiti. Penglibatan pihak berkepentingan merangkumi komuniti, syarikat, dan agensi kerajaan. Inisiatif utama termasuk latihan kemahiran hidup, pekerjaan inklusif, pemulihan hidrologi, dan pengurangan sisa, yang semuanya bertujuan meningkatkan daya tahan, kesaksamaan dan kelestarian di seluruh kawasan yang terlibat.



### 3. RINGKASAN PROJEK (SEKYSSEN 2.1)

Projek Pemulihan Tanah Gambut Pahang (PPRP, atau “Projek”) adalah projek berkelompok yang akan melindungi dan memulihkan 96,569 hektar hutan paya gambut tropika di Negeri Pahang, Malaysia, di mana 77,499 hektar daripadanya merupakan Kawasan Awal Projek. Kawasan ini merupakan kawasan hutan paya gambut dan tanah lembap yang masih kekal bersambung dan terbesar di Semenanjung Malaysia. Ia merupakan ekosistem bernilai pemuliharaan tinggi kerana mempunyai kepelbagaian biodiversiti dengan tahap endemisme (spesies tempatan) dan terancam yang tinggi. Selain itu, kawasan ini juga menyediakan perkhidmatan ekosistem setempat yang penting (contohnya, pengawalan air/hidrologi), serta mempunyai nilai budaya yang signifikan kepada komuniti setempat.

Semasa tempoh pemantauan pertama (1 Februari 2024 – 31 Januari 2025), PPRP berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sejajar dengan objektif iklim, komuniti dan biodiversiti:

Pencegahan kebakaran dan pelembapan semula tanah gambut:

- Pembinaan 74 sekatan parit untuk memulihkan hidrologi semula jadi dan mengurangkan risiko kebakaran.
- Pembentukan *Fire Emergency Response Team* (FERT) terdiri daripada 20 anggota yang dilatih dan dilengkapi untuk pemadaman kebakaran dan disepadukan ke dalam rangkaian penyelarasan serantau.
- Pembangunan dan penggunaan sistem pemantauan penderiaan jauh hampir masa nyata (platform Web-GIS tersuai) untuk amaran kebakaran dan penebangan hutan, yang mula dalam talian pada Disember 2024.
- Perlindungan dan pemantauan hutan:
  - Pelancaran sistem rondaan SMART dan rondaan darat untuk menghalang aktiviti haram dan memantau ancaman biodiversiti.

- Penubuhan dua pos kawalan projek untuk mewujudkan “pagar sosial” di pintu masuk utama ke Kawasan Projek.
- Perangkap kamera dan tinjauan burung telah dimulakan untuk mewujudkan garis dasar biodiversiti dan menilai kehadiran spesies, termasuk hidupan liar Terancam Kritikal.
- Penglibatan dan pembangunan komuniti:
  - Kajian asas sosio-ekonomi dilaksanakan di 10 buah kampung, membentuk asas untuk program ekonomi dan pendidikan yang sesuai dengan budaya.
  - Menjalankan proses Izin, Maklum Awal, Bebas dan Telus – IMABT (Free, Prior, and Informed Consent – FPIC) Fasa 1 melalui program perundingan seluruh kampung yang melibatkan 16 kampung, dan aktiviti pemetaan dan pengesahan pekebun kecil yang melibatkan komuniti di Zon Projek.
  - Memulakan FPIC Fasa 2 dengan 12 ahli komuniti yang berpotensi terjejas di dalam Kawasan Projek untuk menilai risiko, kos dan faedah Projek kepada mereka melalui kaedah penglibatan bersama antara komuniti dan pasukan Projek.
- Pemuliharaan biodiversiti:
  - Usaha pemuliharaan menyokong habitat untuk lebih 29 spesies yang jarang ditemui, Terancam Kritikal, Terancam, Terjejas termasuk Lotong Cenekah, Enggang berkedut dan Tapir.
  - Aktiviti rondaan dan perlindungan habitat dilengkapi dengan kempen kesedaran komuniti.


Anggaran kesan GHG bagi projek semasa tempoh pemantauan ini ialah sebanyak 1,187,893 tCO<sub>2</sub>e dalam bentuk pengelakan dan penyingkiran. Pengiraan dan kuantifikasi penuh diterangkan dalam Seksyen 3.2. Angka ini mencerminkan pelepasan yang berjaya dielakkan daripada penebangan hutan dan kemerosotan tanah gambut. Tempoh pemantauan akan datang dijangka turut melibatkan pengurangan pelepasan melalui pelembapan semula dan pemadaman kebakaran, serta penyingkiran karbon hasil daripada aktiviti penghutan semula.

Pada tahun pertama beroperasi, PPRP telah mencapai kemajuan yang ketara dalam melaksanakan strategi mitigasi iklim berasaskan alam semula jadi, dan dalam masa yang sama memperkasakan komuniti, memelihara warisan budaya dan melindungi biodiversiti.

## 4. PETA DAN PENERANGAN PROJEK (SEKSYEN 2.1.16)

### 4.1 Kawasan Projek dan Zon Projek

Enggang (Pekan) Sdn Bhd memegang hak pengurusan ke atas Hutan Simpan Kekal (HSK) dalam Kawasan Kebenaran Penggunaan (Use Permit Area, UPA). Kawasan dalam UPA yang tidak termasuk dalam Kawasan Projek Permulaan telah ditetapkan sebagai Zon Perlindungan. Zon ini akan terus diurus untuk mencapai hasil pemuliharaan yang lebih baik, tanpa menuntut pengurangan pelepasan (atau 'kredit karbon') pada peringkat awal. Dengan keluasan 19,095 hektar, Zon Perlindungan mewakili kawasan berpotensi untuk mengembangkan aktiviti projek pada masa hadapan di bawah rekabentuk projek berkelompok. Zon ini merupakan sebahagian daripada Zon Projek yang lebih luas, di mana Projek ini berhasrat untuk menjana impak positif. Secara keseluruhan, Kawasan Projek dan Kawasan Zon Projek melibatkan kira-kira 125,000 hektar di mana Projek ini dijangka akan memberikan hasil positif terhadap iklim, komuniti setempat dan biodiversiti.



Rajah 1: Peta Kawasan Projek dan Kawasan Zon Projek.

## 4.2 Skop & Jenis Projek

PPRP merupakan inisiatif jangka panjang yang bertujuan untuk memulihkan kawasan tanah gambut yang terdegradasi, melindungi hutan, dan menyokong komuniti setempat. Ia dijangka dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHGs), mencegah kebakaran dan banjir, serta memulihara biodiversiti. Projek ini akan berlangsung selama 59 tahun (2024–2083) dan sedang dibangunkan di bawah piawaian Verified Carbon Standard (VCS) dan Climate, Community & Biodiversity (CCB) Standards dengan metodologi VM0007 dan VM0047 serta 11 Module dan 4 Tool Verra.

### 4.3 Pelaksanaan Proses Izin, Maklum Awal, Bebas dan Telus (FPIC) (SEKSYEN 2.5.7)

Dalam pelaksanaan FPIC Fasa 1, Projek ini telah mereka bentuk peta dengan penglibatan komuniti dalam penentuan Zon Projek (lihat bahagian 2.3.2 dalam PDD). Penglibatan komuniti dalam mereka bentuk peta ini bukan sahaja merekodkan tuntutan tanah komuniti dan kawasan sumber pendapatan mereka—seperti ladang kecil, kawasan perikanan dan zon pengumpulan hasil hutan (NTFP)—malahan ia juga membolehkan komuniti memahami hubungan lokaliti mereka dengan aktiviti Projek dan merancang penggunaan tanah pada masa depan. Sekurang-kurangnya 2,856 pihak berkepentingan telah dirujuk semasa FPIC Fasa 1 dan dikenal pasti sebagai berpotensi terjejas.

Projek ini direka bentuk berasaskan pendekatan yang menghormati hak komuniti di Zon Projek terhadap tanah, wilayah, dan sumber asli mereka. Sepanjang proses perundingan, tumpuan utama diberikan kepada membina persefahaman bersama tentang matlamat dan aktiviti Projek. Setiap peringkat pelaksanaan juga menekankan ketelusan maklumat kepada komuniti. Hasil daripada FPIC Fasa 1 telah digunakan untuk merancang Kawasan Projek awal, dengan memastikan kawasan pegangan kecil dan tanah yang dituntut sebagai kawasan adat dikecualikan daripada Kawasan Projek.

Selepas semakan semula sempadan Kawasan Projek awal, perundingan tambahan (FPIC Fasa 2) telah dijalankan dengan lapan (8) pekebun kecil dan empat (4) nelayan yang dikenal pasti mungkin terjejas. Hasil perbincangan tentang risiko, kos dan faedah projek menunjukkan bahawa tujuh (7) pekebun kecil dan keempat-empat (4) nelayan bersetuju bahawa hak dan sumber pendapatan mereka tidak akan terjejas. Seorang pekebun kecil menyuarakan kebimbangan terhadap rancangan awal sekatan parit yang mungkin memberi kesan kepada tanahnya. Sebagai tindak balas, pihak Projek telah menyemak semula reka bentuk sekatan parit tersebut, menilai semula risiko dan faedah bersama komuniti, dan akhirnya mencapai persetujuan bahawa pelan baharu itu tidak akan memberi kesan buruk.

Sepanjang tempoh pemantauan ini, tiada pihak berkepentingan (komuniti) yang telah dikenal pasti dalam FPIC Fasa 1 dan dinilai dalam FPIC Fasa 2 memerlukan proses FPIC Fasa 3 yang melibatkan persetujuan rasmi dan perjanjian perkongsian faedah. Namun begitu, Projek mengiktiraf bahawa FPIC bukan proses sekali sahaja, tetapi perlu dijalankan secara berterusan. Jika Projek berkembang ke kawasan baharu—terutamanya melibatkan aktiviti tambahan seperti sekatan parit atau penanaman semula—pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti dalam Fasa 1 akan kembali dilibatkan dalam FPIC Fasa 2 bagi menilai kesan aktiviti (risiko, kos dan faedah) tersebut.

## 4.4 Ringkasan Pencapaian: Iklim (SEKSYEN 3.1.3)

Sepanjang tempoh pemantauan pertama (Februari 2024 – Januari 2025), Projek telah melaksanakan rangka kerja pemantauan bersepadu bagi menilai anggaran pengurangan gas rumah hijau (GHGs), status pemulihan tanah gambut, dan integriti ekologi. Aktiviti utama merangkumi pemantauan paras air bawah tanah, pengumpulan data cuaca, pengesanan degradasi dan penyahutanan hutan, penilaian kawasan kebakaran, serta pelaksanaan intervensi pemulihan hidrologi.

Hutan Simpan	Bacaan Paras Air Secara Manual (bilangan bacaan)	Bacaan Paras Air Secara Automatik (kiraan log harian)	Plot Biojisim (AGB) (bil.)	Titik Panas Dikesan (bil.)	Luas Kawasan Terbakar (ha)	Verifikasi Lapangan Kawasan Terbakar (bil.)	Sekatan Parit Dibina (bil.)
Pekan Timur	235	1,244	9	20	76.3	3	70
Pekan Barat	94	2,498	2	3	2.2	1	-
Nenasi	242	1,817	16	8	201.2	4	-
Resak	251	2,182	3	4	115.6	2	4
Kedondong (Zon Perlindungan)	130	231	-	38	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>952</b>	<b>7,972</b>	<b>30</b>	<b>73</b>	<b>395.3</b>	<b>10</b>	<b>74</b>

### Hidrologi

Pemantauan hidrologi telah dilaksanakan di seluruh kawasan Projek bagi menilai keberkesanan usaha pelembaran semula tanah gambut, memantau paras air bawah tanah, serta menyokong pelaporan pelepasan gas rumah hijau (GHGs). Sebanyak 291 piezometer dipasang di Kawasan Projek dan Kawasan Zon Perlindungan, dengan 96 alat pengukur automatik dipasang untuk merekod data bersiri beresolusi tinggi bagi mengukur paras air. Pengumpulan data ini telah mengikut keperluan metodologi VMD0046 M-PEAT, dengan pengukuran dibuat setiap 10 minit pada musim kering dan setiap 30 minit pada musim tengkujuh. Sepanjang tempoh pemantauan, sebanyak 8,924 bacaan paras air direkodkan (Manual: 952; Automatik: 7,972). Data ini telah digunakan untuk menilai keadaan tanah gambut, mengesan pola perubahan paras air bawah tanah, dan menyumbang kepada proses pemodelan hidrologi.

### Pembinaan Sekatan Parit

Sebanyak 74 sekatan parit telah dibina berdasarkan hasil pemodelan hidrologi dan penilaian risiko secara ekologi. Kebanyakannya sekatan parit berada di kawasan sektor Tanjung Medang, Hutan Simpan Pekan. Pembinaan sekatan parit ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kemerosotan tanah gambut dan meningkatkan penyimpanan karbon (CO<sub>2</sub>).

## Pemantauan Hutan dan Kebakaran

Dapatan dari pemantauan bagi tempoh ini menunjukkan tiada aktiviti pembalakan haram atau pengambilan kayu dikesan melalui rondaan SMART dan analisis imej satelit. Tiada perubahan litupan hutan kepada bukan hutan juga telah direkodkan kecuali di kawasan yang telah terbakar. Pemantauan kebakaran dilaksanakan melalui gabungan penderiaan jauh, sistem amaran titik panas, dan pengesanan lapangan, yang telah merekodkan sebanyak 73 titik panas dengan 10 kawasan terbakar telah disahkan di lapangan. Kedalaman gambut yang terbakar diukur melalui penggalian tanah gambut, dan data ini digunakan untuk mengira pelepasan karbon dioksida berdasarkan faktor pelepasan berstrata serta garis panduan IPCC. Kawasan terbakar juga turut dipetakan dan dikelaskan mengikut jenis gambut dan kelas vegetasi bagi memastikan pengiraan pelepasan gas rumah hijau (GHGs) yang lebih tepat.

Pendekatan pemantauan dan pemulihan bersepadu ini mengukuhkan hasil mitigasi iklim projek dengan meningkatkan simpanan karbon, mengurangkan pelepasan daripada pengoksidaan gambut dan kebakaran, serta memastikan pematuhan kepada piawaian penilaian karbon antarabangsa.

## 4.5 Ringkasan Pencapaian: Komuniti (SEKSYEN 4.3.1)

Hasil 1: Penambahbaikan Kehidupan dan Kesejahteraan Ekonomi					
Hasil 1.1: Peningkatan Pendapatan Sara Hidup					
Objektif: Menyediakan peluang sumber pendapatan alternatif yang mampan dari segi ekonomi dan berasaskan pemuliharaan ekosistem, seperti perhutani dan ekopelancongan					
Program	Sasaran Kumpulan Komuniti	Penanda aras / Pemboleh ubah	Sasaran Tahun Pertama	Kekerapan pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Latihan pembinaan keupayaan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap aktiviti ekonomi yang mampan.	Wanita  Belia (berumur >18 tahun)  Pengumpul Hasil Hutan Bukan Balak (NTFP)  Pemancing  Pekebun Kecil  Pemburu Tradisional	Bilangan peserta yang menghadiri latihan pembinaan keupayaan	Mengenal pasti ahli komuniti yang berpotensi untuk terlibat dalam latihan	Setiap tahun	Bilangan ahli komuniti yang telah dikenal pasti berpotensi untuk menjadi peserta: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekebun Kecil: 355 individu, terdiri daripada 246 lelaki (69%) dan 109 perempuan (31%)</li> <li>• Pemancing: 131 individu, terdiri daripada 41 lelaki (31%) dan 90 perempuan (69%)</li> <li>• Pengumpul Hasil Hutan Bukan Balak (NTFP): 135 individu, terdiri daripada 69 lelaki (51%) dan 66 perempuan (49%)</li> <li>• Pemburu Tradisional: 17 individu, terdiri daripada 15 lelaki (88%) dan 2 perempuan (12%)</li> </ul> Tinjauan komuniti juga telah dilaksanakan untuk mengenalpasti minat mereka dalam inisiatif yang meningkatkan taraf sosioekonomi. Daripada 443 responden, seramai 414 orang (93%) menunjukkan minat untuk menyertai inisiatif tersebut.

		Bilangan latihan pembinaan keupayaan yang telah dilaksanakan.	Reka bentuk modul latihan yang sesuai untuk meningkatkan pendapatan.	Setiap Tahun	<p>Pada tahun pertama, tumpuan diberikan kepada mereka bentuk modul program pembinaan keupayaan berdasarkan maklum balas daripada komuniti. Lima modul yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Modul Penghutanan Semula</li> <li>2. Modul Pengurusan Sisa Pepejal</li> <li>3. Modul Kemahiran Vokasional</li> <li>4. Modul Keusahawanan</li> <li>5. Modul Ekopelancongan</li> </ol>
		Bilangan peserta yang telah meningkatkan sumber pendapatan mereka	Mengenal pasti tahap pendapatan semasa komuniti setempat	Setiap Tahun	Berdasarkan tinjauan awal komuniti, lebih daripada 50% ahli komuniti yang ditemubual telah dikenalpasti berpendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu RM2,589 (Garis Kemiskinan Nasional, 2022).

### Hasil 1.2: Peningkatan Peluang Pekerjaan

Objektif: Mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih meluas melalui pekerjaan tetap, perkhidmatan kontrak, dan aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan projek

Program	Sasaran Komuniti	Penanda aras / Pemboleh ubah	Sasaran Tahun Pertama	Kekerapan pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Penyediaan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat	Komuniti Orang Asli Tempatan	Jumlah Setara Pekerjaan Sepenuh Masa (FTE) dalam kalangan komuniti setempat bagi pekerjaan yang diwujudkan oleh Projek	15 FTE daripada komuniti tempatan (20% wanita) diupah oleh syarikat	Setiap tahun	27 FTE daripada komuniti Orang Asli tempatan telah diambil bekerja secara sepenuh masa, kontrak bulanan, dan kerja bergaji harian. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lelaki – 20.5 FTE (76%)</li> <li>• Wanita – 6.5 FTE (24%)</li> </ul>

Hasil 2: Peningkatan Tahap Pendidikan dan Kesedaran terhadap Kelestarian Alam Sekitar					
Hasil 2.1: Peningkatan Kesedaran Terhadap Biodiversiti, Ekosistem, Perubahan Iklim dan Kelestarian					
Objektif: Memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang isu alam sekitar bagi menyokong dan memperkukuh peranan berterusan komuniti tempatan dalam memelihara kelestarian hutan					
Program	Sasaran Komuniti	Penanda aras / Pemboleh ubah	Sasaran Tahun Pertama	Kekerapan pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Program kesedaran mengenai biodiversiti, ekosistem, perubahan iklim dan kelestarian.	Komuniti setempat	Bilangan peserta yang menghadiri program kesedaran	Libat urus bersama komuniti tempatan	Setiap tahun	<p>Seramai 1,196 ahli komuniti (66% perempuan) telah menghadiri program kesedaran semasa sesi perundingan di kampung-kampung sekitar Kawasan Projek.</p> <p>Pertemuan bersama komuniti semasa proses pengesahan pekebun kecil secara partisipatif telah membawa kepada penubuhan kumpulan WhatsApp bagi setiap kampung sebagai saluran komunikasi untuk program kesedaran seterusnya.</p> <p>Tinjauan komuniti juga telah dijalankan berkenaan pandangan mereka terhadap inisiatif program kesedaran alam sekitar dan gaya hidup lestari. Daripada 443 responden, seramai 386 orang (87%) bersetuju bahawa program ini boleh dilaksanakan dalam komuniti mereka.</p>
		Bilangan program kesedaran yang dilaksanakan	Libat urus bersama komuniti tempatan	Setiap tahun	Sebanyak 13 sesi perundingan telah dijalankan antara Julai hingga September 2024, melibatkan komuniti tempatan dari 16 buah kampung. Sesi-sesi ini telah memberikan kesedaran tentang kepentingan biodiversiti tanah gambut, fungsi ekosistem, serta amalan guna tanah yang lestari melalui ceramah, pameran, dan pembentangan multimedia termasuk video dan gambar.
		Bilangan komuniti tempatan yang terlibat di dalam usaha penanaman semula pokok hutan	Libat urus bersama komuniti tempatan berkenaan penglibatan mereka dalam usaha penanaman semula pokok hutan	Setiap tahun	Tinjauan komuniti telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan mereka berkenaan program inisiatif ekonomi seperti keusahawanan, ekopelancongan dan penghutanan semula. Daripada 443 responden, seramai 381 orang (86%) bersetuju bahawa program-program ini boleh dilaksanakan untuk komuniti.

**Hasil 2.2: Peningkatan Kehadiran ke Sekolah**

Objektif: Keciciran murid sekolah merupakan antara punca utama kepada isu sosial dan mengakibatkan kemiskinan berterusan dalam kalangan komuniti. Walaupun kerajaan telah menyediakan insentif dan kelengkapan kemudahan pendidikan yang mencukupi, program ini memberi tumpuan khusus terhadap jurang budaya dan sosial yang menyebabkan peminggiran pelajar Orang Asli. Ia bertujuan untuk memastikan integrasi golongan pelajar yang berkemungkinan tercicir terus kekal dalam sistem pendidikan formal serta melengkapkan mereka dengan kelayakan akademik dan kemahiran penting bagi menyokong perkembangan pendidikan dan kerjaya mereka

Program	Sasaran Kumpulan Komuniti	Penanda aras / Pemboleh ubah	Sasaran Tahun Pertama	Kekerapan pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Pusat Pendidikan Dalam Komuniti untuk menyokong pembelajaran arus perdana dan membimbing pelajar secara individu bagi mencegah keciciran persekolahan	Kanak-kanak dan belia	Bilangan pusat pendidikan yang ditubuhkan	Libat urus bersama komuniti tempatan, NGO dan sekolah	Setiap tahun	Sesi libat urus bersama Pejabat Pendidikan Daerah dan guru-guru dari sekolah berhampiran Zon Projek telah dilaksanakan antara Oktober 2024 hingga Januari 2025, sesi ini telah memberikan dapatan penting berkaitan kekangan yang dihadapi oleh pelajar suku Jakun dan secara langsung membantu penambahbaikan rekabentuk intervensi pendidikan yang akan dijalankan.  Sesi libat urus bersama NGO meningkatkan kualiti reka bentuk Projek secara lebih menyeluruh. Dua rundingan utama yang menyentuh isu pendidikan telah diadakan bersama Global Peace Foundation (GPF) pada 25 Oktober 2024 dan Persatuan Suku Jakun Pahang (PSJP) pada 21 November 2024.  Maklumat lanjut mengenai sesi libat urus ini disediakan dalam Seksyen 2.3.9.  Tinjauan komuniti telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan inisiatif mengurangkan kadar keciciran persekolahan dan menyokong pelajar untuk menamatkan persekolahan peringkat menengah. Daripada 443 responden, seramai 390 orang (88%) bersetuju bahawa program ini boleh dilaksanakan di komuniti mereka.
		Bilangan kanak-kanak dan belia yang menghadiri Pusat Pendidikan Dalam Komuniti	Libat urus bersama komuniti tempatan dan sekolah	Setiap tahun	
		Bilangan kanak-kanak dan belia yang menghadiri Pusat Pendidikan Dalam Komuniti dan tamat persekolahan peringkat menengah	Libat urus bersama komuniti tempatan dan sekolah	Setiap tahun	

<b>Hasil 3: Peningkatan Kesehatan dan Kesejahteraan</b>					
<b>Hasil 3.1: Kemudahan kepada Komuniti untuk Memperoleh Bekalan Air Bersih</b>					
Objektif: Meningkatkan kesehatan dan kesejahteraan komuniti dengan melengkapkan infrastruktur kerajaan sedia ada serta menyediakan perkhidmatan bekalan air asas kepada komuniti yang memerlukan					
<b>Program</b>	<b>Sasaran Komuniti</b>	<b>Penanda aras / Pemboleh ubah</b>	<b>Sasaran Tahun Pertama</b>	<b>Kekerapan pemantauan</b>	<b>Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)</b>
Inisiatif bekalan air bersih	Komuniti tempatan yang memerlukan (keluarga / rumah yang menghadapi masalah kekurangan bekalan air bersih)	Bilangan keluarga / rumah yang menerima kemudahan bekalan air bersih	Mengenal pasti kawasan dan kampung yang mempunyai masalah bekalan air bersih yang terhad and libat urus bersama agensi bekalan air	Setiap tahun	<p>Kekurangan capaian bekalan air bersih dikenal pasti sebagai isu utama di tiga buah kampung, iaitu Selingkong, Permatang Siput dan RPS Runchang. Sesi libat urus bersama Pengurusan Air Pahang (PAIP) dijalankan untuk mengenalpasti perancangan pihak kerajaan bagi kawasan-kawasan tersebut bagi mengelakkan pertindihan pembangunan inisiatif yang akan dilaksanakan.</p> <p>Berdasarkan perbincangan tersebut, RPS Runchang telah dipilih untuk pelaksanaan inisiatif bekalan air bersih memandangkan PAIP telah mempunyai perancangan untuk menaik taraf infrastruktur bekalan air di Selingkong dan Permatang Siput.</p> <p>Tinjauan komuniti juga telah dijalankan berkenaan inisiatif bekalan air bersih. Daripada 443 responden, seramai 396 orang (89%) menyokong pelaksanaan program tersebut di kampung mereka.</p>

**Hasil 3.2: Kemudahan untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan**

Objektif: Meningkatkan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kesihatan, seperti memudahkan pelaksanaan saringan kesihatan dan/atau membantu pendaftaran bagi perkhidmatan atau program yang disediakan oleh kerajaan

Program	Sasaran Komuniti	Penanda aras / Pemboleh ubah	Sasaran Tahun Pertama	Kekerapan pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Program perkhidmatan kesihatan	Keluarga dan individu di dalam komuniti tempatan yang terdiri daripada golongan rentan, cth. orang kurang upaya dan orang tua	Bilangan komuniti yang menerima pemeriksaan saringan kesihatan dan program perundingan kesihatan	Libat urus bersama agensi kesihatan dan komuniti setempat	Setiap tahun	<p>Libat urus awal telah dijalankan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Pahang pada November 2024 untuk memperkenalkan Projek dan membina hubungan bagi kerjasama untuk pelaksanaan program komuniti pada masa hadapan.</p> <p>Melalui pelbagai aktiviti bersama komuniti tempatan termasuk tinjauan isi rumah dan pengesahan pekebun kecil, beberapa individu yang tergolong dalam golongan rentan telah dikenal pasti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang kurang upaya: 12 individu; 7 lelaki (58%) dan 5 perempuan (42%)</li> <li>• Warga emas: 118 individu; 79 lelaki (67%) dan 39 perempuan (33%)</li> </ul>

## 4.6 Ringkasan Pencapaian: Biodiversiti (SEKSYEN 5.3.1)

### Hasil 1: Pemantauan Spesies Terancam

#### Hasil 1.1: Sistem pemantauan spesies terancam telah diwujudkan

Program	Penanda Aras	Sasaran Tahun Pertama	Kaedah Pengumpulan data	Kaedah Pengesahan	Kekerapan Pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Pemantauan jangka panjang kehadiran fauna spesies RTE yang terancam Contohnya: Lotong Cenekah	Bilangan lokasi dengan spesies ditemui  Bilangan spesies / Kelimpahan / Taburan / Kadar penghunian (occupancy)	Data asas dikumpul mengenai kelimpahan dan taburan spesies terancam	Perangkap kamera / tinjauan lapangan / Tinjauan Penemuan Visual (VES) / peranti bio-akustik / pendekatan eDNA / Rondaan SMART	Senarai semak spesies RTE bagi mamalia dan burung  Peta taburan biodiversiti yang direkodkan  Laporan Rondaan SMART	Laporan Pemantauan: Setiap tahun  Perangkap kamera: Musim bukan monsun, setiap tahun  Tinjauan kepelbagaian burung: Musim panas dan basah, setiap tahun  Kepelbagaian ikan: Ad hoc, setiap tahun	Jumlah spesies direkodkan melalui gabungan kaedah: 230; Mamalia: 32 spesies (2 CR, 7 EN, 7 VU, 3 NT, 13 LC); Burung: 186 spesies (2 EN, 8 VU, 27 NT, 147 LC, 2 NA); Amfibia: 1 spesies (1 LC); Reptilia: 11 spesies (2 EN, 1 VU, 8 LC);  Usaha perangkap kamera: 62 sesen dipasang, 49 perangkap kamera menghasilkan imej yang boleh digunakan dengan jumlah 6,277 perangkap kamera malam.  Jumlah imej/video direkodkan: 186,605; dengan 15,213 fail mengandungi hidupan liar yang boleh dikenal pasti termasuk mamalia, burung, dan reptilia.  Tinjauan kepelbagaian burung menggunakan kaedah kiraan titik pada 11 transek tetap

					<p>Rondaan SMART: Setiap minggu</p> <p>dengan 10 titik setiap satu, dijalankan semasa musim kering dan musim migrasi/basah.</p> <p>Sebanyak 186 spesies burung direkodkan, dengan:</p> <p>4,213 individu burung dikira semasa musim migrasi/basah</p> <p>3,254 individu semasa musim kering/bukan monsun</p> <p>Rondaan SMART dijalankan secara mingguan dengan jumlah 268 rondaan.</p> <p>Jarak yang diliputi: 4,547 km menggunakan bot, berjalan kaki, dan kenderaan; pemerhatian telah dikompilasi serta laporan bulanan dan tahunan disediakan.</p> <p>Pendekatan bioakustik dan eDNA belum dilaksanakan; namun, perundingan dengan kumpulan pakar daripada NGO pemuliharaan dan universiti telah dijalankan untuk membangunkan reka bentuk tinjauan, SOP, pemilihan peranti, dan latihan kakitangan. Pemantauan yang betul menggunakan kaedah ini dirancang untuk dimulakan dalam tempoh pemantauan kedua.</p>
--	--	--	--	--	---

Pemantauan jangka panjang kehadiran flora spesies RTE	Bilangan lokasi dengan spesies ditemui  Bilangan spesies  Kelimpahan dan Penghunian	Data asas dikumpul mengenai kelimpahan dan penghunian spesies flora terancam	Tinjauan lapangan / Rondaan SMART / plot pemantauan vegetasi kekal	Laporan pemantauan biodiversiti (peta taburan, gambar, senarai spesies, analisis Rondaan SMART)	Tinjauan Pokok: Setiap 5 tahun	Tiada keputusan untuk tempoh pemantauan ini.  Tinjauan lapangan melalui plot pemantauan vegetasi kekal akan diwujudkan dalam tempoh pemantauan kedua.
Menjalin dan mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi melindungi spesies terancam (contoh: pihak berkuasa/agensi kerajaan, NGO dan syarikat perladangan).	Bilangan pihak berkepentingan yang telah dirunding.	Menjalin dan mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi melindungi spesies terancam (contoh: pihak berkuasa/agensi kerajaan, NGO dan syarikat perladangan).	Mesyuarat dan perbincangan, tinjauan lapangan, acara sosialisasi dan latihan	Laporan aktiviti dan libat urus / rekod kehadiran	Setiap tahun	Penglibatan komuniti: 13 program perundingan dengan komuniti orang asli (1,196 orang hadir) dengan memperkenalkan spesies RTE utama, undang-undang hidupan liar, dan hak orang asli untuk menggunakan sumber semula jadi.  Mesyuarat pihak berkepentingan: Dua mesyuarat diadakan dengan ladang kelapa sawit bersebelahan.  Kesedaran awam: Penyertaan dalam sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 di Pekan yang dianjurkan oleh Majlis Biodiversiti Pahang (MBP) dengan anggaran 300 peserta.  Pencegahan Kebakaran: Penyertaan dalam program kesedaran pencegahan kebakaran tanah gambut yang dianjurkan bersama dengan JPNP, SMPPEM, JAS, BOMBA, dan lain-lain, diadakan di Kg Jong (64 orang hadir), Selingkong (130), Landai (118), Sg. Kalong

						(39), Arong (117), Runchang (38), dan Simpai (132), dengan jumlah 638 peserta.
--	--	--	--	--	--	--

## Hasil 2: Memastikan Keutuhan (*Integrity*) Ekosistem dan Habitat

### Hasil 2.1: Kawasan hutan dan habitat yang dilindungi

Program	Penanda Aras	Sasaran Tahun Pertama	Kaedah Pengumpulan Data	Kaedah Pengesahan	Kekerapan Pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Pemantauan litupan hutan secara jarak jauh dan pengesanan kebakaran serta penebangan hutan	<p>Perubahan bersih hutan (pertambahan vs kehilangan)</p> <p>Pengelasan litupan tanah</p> <p>Luas kawasan terbakar</p> <p>Bilangan titik panas kebakaran</p>	<p>Menilai litupan hutan pada tarikh mula</p> <p>Mewujudkan sistem pemantauan</p>	Pemantauan penderiaan jauh (iaitu satelit / dron) dan tinjauan lapangan	<p>Laporan bilangan titik panas dan perubahan litupan hutan</p> <p>Laporan kebakaran dan penebangan hutan</p> <p>Laporan <i>Loss and Reversal Event</i></p>	<p>Selepas kejadian dan/atau setiap tahun</p>	<p>Penilaian litupan hutan (rujuk Seksyen 3.2.1.1.1 PDD) dan potensi ancaman – termasuk pencerobohan, kebakaran, pembalakan haram, dan penukaran guna tanah – telah dikenal pasti untuk memaklumkan pemantauan dan tindakan pengurusan masa depan.</p> <p>Laman web pemantauan titik panas kebakaran dan penebangan hutan berasaskan satelit telah ditubuhkan sepenuhnya dan kini beroperasi. Penyelaras utama menerima amaran harian melalui e-mel dan Telegram bagi menyokong tindak balas pantas dan membuat keputusan.</p> <p>Maklumat mengenai titik panas kebakaran dan tindakan telah dikongsi dengan pihak berkepentingan seperti JAS, JPNP, JPS,</p>

						<p>BOMBA, NGO, dan pengurus ladang bersebelahan melalui WhatsApp dengan jumlah 70 ahli.</p> <p>Platform digital yang dikenali sebagai Sistem Pemantauan PPRP boleh diakses oleh staf di: <a href="https://pprp.com.my">https://pprp.com.my</a>.</p>
		<p>Kenal pasti titik panas dan kekerapan aktiviti haram berdasarkan rekod sejarah dan maklumat komuniti</p> <p>Menjalankan tinjauan awal mengenai pemburuan, pengumpulan NTFP haram, dan pembalakan haram</p>				<p>Jumlah pemerhatian aktiviti manusia: 118 direkodkan oleh Unit Perlindungan Hutan dan Biodiversiti.</p> <p>Pemerhatian paling kerap: kesan-kesan manusia, diikuti peralatan/senjata, dan insiden kebakaran.</p> <p>Bukti pemburuan: 9 struktur jerat dan 1 perangkap kotak dikesan di dalam dan sekitar kawasan projek.</p> <p>Insiden kebakaran: direkodkan dan dilaporkan kepada FERT untuk tindakan.</p> <p>Aktiviti haram: dimaklumkan dan dilaporkan kepada PERHILITIAN dan JPNP.</p>
Pemulihan habitat dan peningkatan kepelbagaian spesies	Kawasan tanah gambut terdegradasi dipulihkan kepada habitat berfungsi	Kawasan untuk pemulihan dikenal pasti	Pengesahan lapangan: 1. Litupan vegetasi 2. Kadar kelangsungan hidup	Laporan pengesahan lapangan / laporan pemantauan biodiversiti / laporan	Tahunan	Rancangan pemulihan telah dimulakan, metodologi direka bentuk, spesies untuk penanaman semula dikenal pasti, tapak samaian dan penjaga telah dikenal pasti.

			3. Bilangan / pemetaan kawasan dipulihkan	penanaman semula		
Aktiviti pelembapan semula (rewetting)	Bilangan sekatan parit berfungsi dibina dan diselenggara	Aktiviti pelembapan semula dirancang (contohnya, sekatan parit)		Aktiviti pelembapan semula (rewetting)	Bilangan sekatan parit berfungsi dibina dan diselenggara	Aktiviti pelembapan semula dirancang (contohnya, sekatan parit)
Pemantauan kekayaan dan kepelbagaian spesies di kawasan yang dibasahkan semula	Perubahan diukur dalam kekayaan dan kepelbagaian spesies (contohnya, indeks Shannon-Wiener) di kawasan dibasahkan semula berbanding kawasan tidak dibasahkan semula	Mewujudkan asas kekayaan spesies dan memulakan pemantauan tindak balas biodiversiti terhadap pelembapan semula	Tinjauan biodiversiti menggunakan VES, perangkap kamera, dan plot vegetasi di tapak pelembapan semula dan tapak kawalan	Senarai semak biodiversiti, analisis indeks kepelbagaian, perbandingan trend spesies, laporan pemantauan biodiversiti	Tahunan (selepas pelembapan semula), dengan susulan selepas setiap intervensi besar	Kerangka pemantauan telah direka, tapak tinjauan di kawasan dibasahkan semula dikenal pasti, dan rakan kerjasama telah dilibatkan.

Pemantauan spesies invasif	Senarai dan taburan spesies invasif	Pemantauan berkala dan pemetaan spesies invasif di seluruh Kawasan Projek	Pemantauan lapangan	Laporan pemantauan biodiversiti	Tahunan	Spesies Acacia invasif telah diperhatikan di beberapa lokasi dalam Kawasan Projek, dengan beberapa tapak menunjukkan ketumpatan tinggi. Kawasan ini telah dikenal pasti dan dipetakan untuk menyokong pengurusan dan usaha mitigasi masa depan.
Pembinaan kapasiti kakitangan mengenai pemuliharaan, ekosistem, dan keutuhan habitat di hutan tanah gambut	Bilangan sesi latihan dijalankan					Pembinaan kapasiti kakitangan mengenai pemuliharaan, ekosistem, dan keutuhan habitat di hutan tanah gambut
						Laman web pemantauan titik panas kebakaran dan penebangan hutan berasaskan satelit telah ditubuhkan sepenuhnya dan kini beroperasi. Penyelaras utama menerima amaran harian melalui e-mel dan Telegram bagi menyokong tindak balas pantas dan membuat keputusan.
						Jumlah pemerhatian aktiviti manusia: 118 direkodkan oleh Unit Perlindungan Hutan dan Biodiversiti.

**Hasil 3: Pendekatan Komuniti dan Kesedaran**
**Hasil 3.1: Tahap pengetahuan dan kesedaran yang lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan**

Program	Penanda Aras	Sasaran Tahun Pertama	Kaedah Pengumpulan Data	Kaedah Pengesanan	Kekerapan Pemantauan	Dapatan daripada Tempoh Pemantauan (Februari 2024 - Januari 2025)
Modul pendidikan alam sekitar	<p>Modul pendidikan alam sekitar dibangunkan dan dilaksanakan</p> <p>Jurulatih komuniti dilatih</p> <p>Fasilitator/jurulatih disediakan</p> <p>Modul disemak dan ditambah baik</p>	Pembangunan modul mengenai pemuliharaan hidupan liar dan tanah gambut	<p>Aktiviti latihan / pendidikan</p> <p>Sesi latihan</p> <p>Data kehadiran</p>	Buku modul, rekod kehadiran, laporan program / laporan latihan	Tahunan	<p>Modul ini belum dibangunkan sepenuhnya, tetapi aktiviti pendidikan telah dimulakan. Ceramah kesedaran telah dijalankan dalam bahasa tempatan, disokong dengan model tanah gambut dan poster hidupan liar, melibatkan 16 komuniti Orang Asli (1,196 peserta). Aktiviti kanak-kanak juga telah dijalankan.</p> <p>Walaupun modul masih dalam pembangunan, kandungan asas dan pembinaan pengetahuan telah dimulakan bagi menyokong penambahbaikan masa depan.</p>
Menghasilkan bahan penerbitan	<p>Maklumat pemuliharaan disampaikan kepada orang awam</p> <p>Bilangan bahan diterbitkan</p>	Menghasilkan penerbitan dalam pelbagai bahasa tempatan dan format	Bahan diterbitkan	Penerbitan, poster, artikel akhbar, risalah	Tahunan	Empat poster kesedaran dihasilkan dan dipamerkan semasa 13 sesi perundingan bersama komuniti tempatan.
Menubuhkan program pendekatan komuniti dan pendidikan alam sekitar dengan kerjasama komuniti tempatan	<p>Program pendidikan / kesedaran alam sekitar</p> <p>Sesi latihan</p>	Mengenal pasti dan mereka bentuk program pendekatan komuniti dan	Aktiviti pendekatan komuniti dan sesi pendidikan alam sekitar	Laporan kesedaran dan pendekatan komuniti / rekod kehadiran	Tahunan	<p>Ceramah kesedaran untuk 16 komuniti Orang Asli telah disampaikan.</p> <p>Program CEPA (Komunikasi, Pendidikan, Penyertaan, dan Kesedaran Awam) telah dianjurkan bersama dengan SMPM, JPMP,</p>

	Penyertaan belia	pendidikan alam sekitar	Data kehadiran dipecahkan mengikut jantina dan umur			JAS, BOMBA, JPS, JAKOA, GEC, melibatkan 7 komuniti:
	Bilangan peserta wanita	Penyertaan belia dan wanita dalam program (contohnya, saintis komuniti)	Bilangan sesi latihan dijalankan			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Jong (64 peserta)</li> <li>• Kg Selingkong (130 peserta)</li> <li>• Kg Landai (118 peserta)</li> <li>• Kg Sg Kalong (39 peserta)</li> <li>• Kg Arong (117 peserta)</li> <li>• RPS Runchang (38 peserta)</li> <li>• Kg Simpai (132 peserta)</li> </ul> Turut serta dalam Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 dengan anggaran 300 peserta.
		Menyampaikan latihan untuk meningkatkan kesedaran mengenai risiko kebakaran, pemuliharaan biodiversiti, dan pengurusan mampan tanah gambut	Bilangan acara latihan  Bilangan aktiviti dilaksanakan  Bilangan komuniti terlibat / menyertai	Laporan latihan / rekod kehadiran	Tahunan	Sebanyak 13 program perundingan melibatkan komuniti tempatan dari 16 kampung telah dilaksanakan antara Julai hingga September 2024, merangkumi kesedaran tentang kepentingan ekologi tanah gambut dan penggunaan tanah mampan melalui multimedia termasuk pembentangan, risalah, video, dan pameran.  Kakitangan projek telah dilatih oleh Perlindungan Alam Malaysia dan menerima latihan dalaman mengenai pengenalan spesies hidupan liar.